

<p>HELAIAN KETERANGAN PRODUK</p> <p>(Sila baca Helaiian Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan menyertai “IKHLAS Membantu Personal Accident Takaful”. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat di dalam Sijil Takaful ini).</p>	<p>TAKAFUL IKHLAS GENERAL BERHAD (Ahli PIDM)</p> <p>(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)</p>															
	<p>IKHLAS MEMBANTU PERSONAL ACCIDENT TAKAFUL</p>															
	<p>Tarikh :</p>															
<p>1) Produk apakah ini?</p> <p>Produk ini ialah produk dengan pelan seluruh dunia 24 jam yang akan memberi pampasan sekiranya berlaku kematian atau hilang keupayaan kekal yang disebabkan oleh kemalangan kepada Orang yang Dilindungi.</p>																
<p>2) Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tabarru' - merujuk kepada sumbangan oleh Peserta takaful ke dalam Dana Risiko yang bertujuan menyediakan manfaat kewangan bersama yang kena dibayar kepada semua peserta takaful atau kepada semua benefisiari yang dinamakan pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui secara bersama. • Wakalah – merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (<i>muwakkil</i>) membenarkan pihak lain sebagai ejen (<i>wakil</i>) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak Syarikat, kami dilantik sebagai ejen (<i>wakil</i>) untuk melaksanakan Perniagaan Takaful, dan fi Wakalah (<i>Ujrah</i>) akan dibayar kepada pihak Syarikat. <p>Nota : Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk maklumat lanjut.</p>																
<p>3) Apakah perlindungan-perlindungan / manfaat-manfaat yang ditawarkan?</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th rowspan="2">Manfaat – Manfaat</th> <th colspan="2">Amaun Perlindungan (RM)</th> </tr> <tr> <th>Membantu Gold</th> <th>Membantu Premium</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Kematian akibat Kemalangan</td> <td>80,000</td> <td>100,000</td> </tr> <tr> <td>Hilang Keupayaan Kekal akibat Kemalangan</td> <td>80,000</td> <td>100,000</td> </tr> <tr> <td>Perbelanjaan Pengebumian</td> <td>2,000</td> <td>2,000</td> </tr> </tbody> </table> <p>Nota : Sila rujuk skala pampasan untuk kematian dan hilang keupayaan kekal di dalam Sijil Takaful. Tempoh perlindungan selama satu (1) tahun. Anda dikehendaki memperbaharui Sijil Takaful anda setiap tahun.</p> <p>**Perlindungan hanya berkuat kuasa di luar waktu bertugas bagi kakitangan beruniform (Polis, Tentera, Bomba, dsb) dan kakitangan Kelas 4 iaitu mereka yang berkerja sebagai pekerja manual melibatkan penggunaan peralatan jentera berat dan mesin.</p>			Manfaat – Manfaat	Amaun Perlindungan (RM)		Membantu Gold	Membantu Premium	Kematian akibat Kemalangan	80,000	100,000	Hilang Keupayaan Kekal akibat Kemalangan	80,000	100,000	Perbelanjaan Pengebumian	2,000	2,000
Manfaat – Manfaat	Amaun Perlindungan (RM)															
	Membantu Gold	Membantu Premium														
Kematian akibat Kemalangan	80,000	100,000														
Hilang Keupayaan Kekal akibat Kemalangan	80,000	100,000														
Perbelanjaan Pengebumian	2,000	2,000														

4) Berapakah jumlah Sumbangan Takaful yang perlu dibayar?

Pelan	Membantu Gold	Membantu Premium
Sumbangan Takaful Tahunan (RM)	75.00	100.00

5) Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang perlu dibayar?

Berikut adalah yuran dan bayaran yang dikenakan:

Bayaran yang perlu dijelaskan disamping jumlah Sumbangan Takaful

- Cukai yang digunapakai adalah tertakluk pada kadar semasa yang dikenakan.
- Duti Setem : RM10.00

Bayaran lain yang termasuk dalam jumlah Sumbangan Takaful

- Yuran Wakalah -
 - ✓ Komisen : sehingga 25% daripada Sumbangan Takaful
 - ✓ Perbelanjaan Pengurusan : sehingga 25% daripada Sumbangan Takaful

6) Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu diketahui?

Had Umur

- 18 hingga 80 tahun

Kewajipan Pendedahan

- Menurut perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon Takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah penjagaan munasabah untuk tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan dalam borang cadangan (atau apabila anda memohon untuk Takaful ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dengan lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil penjagaan munasabah dalam menjawab soalan-soalan mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful anda, penolakan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful anda.
- Kewajipan pendedahan di atas adalah berterusan sehingga kontrak Takaful anda dibuat, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Pampasan / tanggungan

- Kami akan membayar pampasan di atas kematian atau hilang keupayaan kekal berdasarkan kepada "Skala Pampasan" yang disertakan di dalam Sijil Takaful. Walau bagaimanapun tuntutan untuk rawatan perubatan, pampasan anda adalah berdasarkan pengembalian jumlah perbelanjaan sebenar tertakluk kepada had yang dinyatakan di dalam Sijil Takaful. Anda tidak dibenarkan membuat tuntutan berganda bagi perbelanjaan perubatan yang sama.

Waranti Tunai Sebelum Perlindungan

- Adalah menjadi asas dan syarat mutlak perjanjian Sijil Takaful ini di mana Sumbangan Takaful mestilah dibayar dan diterima oleh pihak kami sebelum tarikh perlindungan berkuat kuasa. Sekiranya syarat ini tidak dipatuhi, Sijil Takaful akan menjadi tidak sah dan terus terbatal.
- Anda digalakkan untuk membayar Sumbangan Takaful terus kepada kami, sama ada secara tunai, kad kredit atau cek (cek hendaklah dinamakan ke atas pihak Syarikat sahaja).

Lebih

- Sebarang lebih daripada portfolio ini akan dikekalkan sepenuhnya di dalam Dana Risiko. Tiada lebih akan diagihkan daripada portfolio ini.

Prosedur Tuntutan

- Dalam kes kematian atau hilang keupayaan kekal, Anda hendaklah sentiasa mengikut arahan pengamal perubatan untuk kaedah perubatan atau menjalani pembedahan dalam tempoh yang ditetapkan
- Notis bertulis hendaklah diberikan kepada pihak Syarikat dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh kemalangan yang menyebabkan kecederaan tersebut.
- Kegagalan untuk memberi notis dalam masa yang diperuntukkan tidak akan terus membatalkan tuntutan tersebut jika Anda boleh membuktikan bahawa adalah tidak munasabah untuk memberikan notis dalam tempoh tersebut dan notis telah diberikan dengan seberapa segera yang munasabah.
- Tiada tindakan undang-undang atau ekuiti yang boleh dibawa untuk mendapatkan kembali Pampasan sebelum tamat tempoh tiga puluh (30) hari daripada tarikh bukti bertulis mengenai kehilangan tersebut mengikut peruntukan Sijil Takaful ini. Tiada sebarang tindakan yang boleh dibawa selepas habis tempoh satu tahun daripada masa bukti bertulis mengenai kehilangan tersebut harus diberikan.
- Segala maklumat Sijil Takaful dan bukti di dalam bentuk dan keadaan yang diperlukan oleh Kami hendaklah disediakan oleh Anda atau wakil sah Anda, di atas tanggungannya sendiri. Anda hendaklah menjalani pemeriksaan kesihatan seberapa kerap yang diperlukan, di atas tanggungannya sendiri, terhadap sebarang tuntutan berkaitan Kecederaan Tubuh Badan. Dalam kes kematian, notis pemberitahuan hendaklah diberikan kepada Kami sebelum pengebumian atau pembakaran dijalankan, dan Kami boleh menghantar wakil Kami semasa pemeriksaan post mortem ke atas mayat Orang Yang Dilindungi. Kami mempunyai hak untuk menjalankan autopsi di atas tanggungan Kami sendiri, selagi mana ia dibenarkan oleh undang-undang.

7) Apakah pengecualian-pengecualian utama yang terdapat di dalam Sijil Takaful ini?

Sijil Takaful ini tidak melindungi kematian atau hilang keupayaan kekal yang disebabkan oleh :

- Orang Yang Dilindungi terlibat atau cubaan di dalam sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang;
- Peperangan, serangan, perbuatan musuh asing, permusuhan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), peperangan sivil, pemberontakan, revolusi, pemberontakan atau rampasan kuasa, mogok, rusuhan, kekecohan awam, kebangkitan tentera atau kebangkitan popular di mana Orang Yang Dilindungi secara langsung atau tidak langsung mengambil bahagian atau terlibat walau apa jua dalam aktiviti-aktiviti tersebut;
- Penglibatan di dalam aktiviti keganasan;
- Gila, bunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman) atau apa-apa percubaan ke arah itu oleh Orang Yang Dilindungi;
- Kecacatan atau kelemahan fizikal atau mental sedia wujud Orang Yang Dilindungi;
- Jangkitan bakteria atau virus, apa-apa penyakit, rawatan perubatan atau pembedahan (kecuali sebagaimana yang perlu semata-mata akibat kecederaan yang dilindungi oleh Sijil Takaful ini dan dilaksanakan dalam masa yang tertera di dalam Sijil Takaful) kepada Orang Yang Dilindungi;
- Bersalin, keguguran, kehamilan atau apa-apa komplikasi yang berkaitannya kepada Orang Yang Dilindungi kecuali keguguran disebabkan oleh Kecederaan Tubuh Badan akibat kemalangan;
- Perbuatan asakan atau serangan yang dimulakan oleh Orang Yang Dilindungi;
- Sebarang perlakuan yang melanggar Undang-undang Sivil atau Syariah dan prinsip-prinsipnya oleh Orang Yang Dilindungi;

- Hilang keupayaan kekal yang sedia ada atau kecederaan tubuh badan Orang Yang Dilindungi;
- Penyalahgunaan bahan, alkohol dan/ atau dadah oleh Orang Yang Dilindungi melainkan dadah tersebut diambil mengikut preskripsi perubatan yang dibenarkan;
- Sebab-sebab lain yang dilarang oleh Undang-undang dan prinsip-prinsip Syariah.

Nota: *Senarai ini bukan senarai yang lengkap. Sila rujuk Sijil Takaful untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah Sijil Takaful ini.*

8) Bolehkah saya membatalkan Sijil Takaful ini?

Sijil Takaful ini boleh dibatalkan pada bila-bila masa atas permintaan Anda. Selepas pembatalan, anda layak mendapat bayaran balik Sumbangan Takaful untuk Tempoh Takaful belum luput tertakluk kepada sumbangan minimum yang dikekalkan oleh kami. Tiada pulangan Sumbangan Takaful dibenarkan jika ada sebarang tuntutan di bawah Sijil Takaful ini.

9) Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk dihubungi?

Adalah penting bagi anda untuk memberitahu kami mengenai perubahan maklumat perhubungan anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

10) Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai *IKHLAS* Membantu Takaful, sila hubungi kami di:

Takaful Ikhlas General Berhad

Jabatan Pengurusan Perhubungan Pelanggan,
IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South,
No. 8 Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur.

Tel : 03-2723 9696

Faks : 03-2723 9998

Laman sesawang : www.takaful-ikhlas.com.my

Emel : ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my

11) Produk seumpama yang boleh didapati?

- *IKHLAS* Takaful Kemalangan Diri Berkumpulan Takaful
- *IKHLAS* Takaful Kemalangan Diri Takaful
- *IKHLAS* Takaful Perdana PA
- *IKHLAS* Takaful PA Motorist

Notis Perlindungan PIDM

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah Sijil Takaful yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur TIPS PIDM atau hubungi Takaful Ikhlas General Berhad atau PIDM (lawati www.pidm.gov.my).

NOTA PENTING :

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENGAMBIL PERHATIAN SKALA MANFAAT UNTUK KEMATIAN DAN HILANG KEUPAYAAN KEKAL DALAM SIJIL TAKAFUL ANDA. ANDA MESTI MENCALONKAN PENAMA DAN PASTIKAN PENAMA ANDA TAHU TENTANG SIJIL TAKAFUL KEMALANGAN DIRI YANG ANDA TELAH SERTAI. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Informasi yang disediakan dalam Helaian Keterangan Produk ini adalah sah pada 01/04/2024